

Karpal buat laporan polis terhadap timbalan menteri Umno
Malaysian Insider
July 17 , 2013
OLEH ELIZABETH ZACHARIAH

Karpal Singh meKarpal Singh di luar Balai Polis Tun HS Lee selepas membuat laporan polis terhadap Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Tajuddin Abdul Rahman. - Gambar The Malaysian Insider oleh Afif Abd Halim, 17 Julai, 2013. Karpal Singh di luar Balai Polis Tun HS Lee selepas membuat laporan polis terhadap Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Tajuddin Abdul Rahman. - Gambar The Malaysian Insider oleh Afif Abd Halim, 17 Julai, 2013. mbuat laporan polis terhadap Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Tajuddin Abdul Rahman kerana menyatakan Pengerusi Kebangsaan DAP itu akan menjadi presiden jika DAP mengambil alih kerajaan persekutuan.

Ahli Parlimen Bukit Gelugor itu berkata, ucapan Tajuddin di Kuala Besut pada 14 Julai itu mempunyai niat menghasut dan menambah beliau tidak mahukan kejadian seperti ini berulang.

"Polis mesti bertindak terhadap Tajuddin," kata Karpal sebelum membuat laporan polis terhadap timbalan menteri itu di Balai Polis Tun HS Lee, Kuala Lumpur, hari ini.

Karpal ditemani Penasihat DAP, Lim Kit Siang yang turut menyelar Tajuddin.

"Ucapan fitnah, hasutan dan berniat jahat oleh Tajuddin adalah salah satu daripada beberapa baru-baru ini. Tetapi tiada tindakan yang diambil terhadap orang seperti ini," kata Lim. - 17 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/karpal-buat-laporan-polis-terhadap-timbalan-menteri-umno>